

Hm (nfs 16) 08/02/2017

## Undang-undang tidak mesra koperasi

**Petaling Jaya:** Undang-undang yang tidak mesra untuk penubuhan koperasi menghalang pergerakan badan itu untuk bergerak lebih aktif dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, berikutan undang-undang lapuk itu, kerajaan melihat isu koperasi tiada kekangan kerana tidak pernah dibangkitkan di peringkat Parlimen, sedangkan pelbagai permasalahan menghalang penubuhan berkenaan.

"Apa yang dihadapi sekarang, tiada usaha serius untuk meminda akta berkenaan. Kami menghadapi banyak perkara disebabkan 'entiti koperasi' tidak disebut di dalam akta"

"Untuk menubuhkan ko-



**“**  
**Apa yang dihadapi sekarang, tiada usaha serius untuk meminda akta berkenaan. Kami menghadapi banyak perkara disebabkan ‘entiti koperasi’ tidak disebut di dalam akta”**

**Abdul Fattah Abdullah**

perasi, kita perlu menubuhkan syarikat dan ia harus mendapatkan kebenaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Prosedur itu tidak mudah kerana banyak yang perlu dilalui sehingga mengambil masa lama untuk kelulusan," katanya selepas merasmikan Program Mutiara Ilmu anjuran ANGKASA dengan kerjasama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Koperasi Usahawan Muda Sungai Besar Berhad (KOMUDA) yang juga Ahli Parlimen Sungai Besar Budiman Mohd Zohdi dan Pengurus Pekebun Kecil Batu Pahat Dr Hayati Md Salleh.

Abdul Fattah berkata, berikutan tempoh lama bagi penubuhan koperasi menyebabkan banyak peluang perniagaan terlepas.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia